



**KRITIKAN SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS TERHADAP  
PENSEKULARAN NILAI DALAM FALSAFAH ETIKA**

**[CRITICISM OF SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS AGAINST THE  
SECULARIZATION OF VALUES IN PHILOSOPHICAL ETHICS]**

AHMAD IMRAN MUHAMAD<sup>1</sup>

1\* Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Correspondent Email: ah.imranmuhamad@gmail.com

*Received: 1 November 2022*

*Accepted: 15 November 2022*

*Published: 12 December 2022*

**Abstrak:** Falsafah etika membahaskan bagaimana sepatutnya manusia bertingkah laku dalam kehidupannya, sama ada dari aspek peribadi, sosial atau politik. Ia sering dibincangkan dalam tradisi intelektual samada oleh ilmuwan Islam ataupun Barat. Persoalan moral atau etika bergantung kepada kefahaman nilai yang dipegang oleh seseorang. Pada zaman moden ini, telah tersebar fahaman sekularisme yang menyebabkan berlakunya pensekularan nilai. Kesannya, telah wujud pelbagai aliran dalam falsafah etika di Barat yang menatijahkan pelbagai kekeliruan dan kerosakan moral seperti isu hak asasi manusia, LGBT, perzinaan, pornografi dan sebagainya. Kajian ini bertujuan menganalisis konsep nilai dan etika berdasarkan kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas yang merupakan salah seorang ilmuwan Islam semasa yang mengkritik proses sekularisasi dalam etika. Makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Kajian merumuskan proses pensekularan nilai telah memberi kesan kepada sesebuah kerangka epistemologi ilmu. Al-Attas berpegang teguh dengan kemutlakan nilai yang berteraskan agama dan mengkritik faham relatif yang berpegang bahawa manusia bebas mentafsir dan menentukan nilai moral mereka.

**Kata Kunci:** Falsafah Etika, Sekularisme, Nilai, Syed Muhammad Naquib al-Attas

**Abstract:** Philosophical ethics debates how humans should act in their lives, whether from personal, social or political aspects. It is often discussed in the intellectual tradition by both Islamic and Western scholars. Moral or ethical discussion depends on the understanding of values held by the person. In this modern age, secularism has widely spread, which causes the secularization of values. As a result, the born of various ethical theories in the West has led to multiple confusion and moral corruption, such as human rights issues, LGBT, adultery, pornography, etc. This study aims to analyse the concept of values and ethics based on the framework of Syed Muhammad Naquib al-Attas, one of the current Islamic scholars who criticise the process of secularization in ethics. This paper uses a qualitative approach based on data collection and analysis methods. The study formulates that the process of secularization of values has impacted the epistemological framework of knowledge. Al-Attas firmly hold the absoluteness of values based on religion and criticises the relativization understanding that people are relatively free to interpret and determine their moral values.

**Keywords:** Philosophical ethics, Secularism, Values, Syed Muhammad Naquib al-Attas

**Cite This Article:**

Ahmad Imran Muhamad. 2022. Cabaran dan Permasalahan Pembelajaran Murid B40 di Sekolah Rendah di Malaysia [The Challenges And Problems of Learning Faced by B40 Students at Primary Schools in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 2(4), 29-38.

**PENGENALAN**

Kehidupan manusia amat berkait rapat dengan konsep moral dan etika. Perbahasan etika merupakan topik yang penting dan memiliki keperluan yang tinggi dalam Islam. Ilmu akhlak bukan sekadar satu bahagian daripada bahagian-bahagian penting dalam Islam seperti keimanan, ibadat, sosial, politik dan ekonomi, namun ia merupakan tunjang kepada kesemua aspek penting ini, umpama roh yang menguasai jasad manusia. jasad tidak akan berfungsi dan mati, apabila terpisah dengan roh (Nasir Omar, 2019: 107). Justeru, penekanan yang diberikan oleh Islam terhadap konsep akhlak ini dengan dapat diteliti daripada Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Firman Allah SWT kepada Nabi-Nya SAW (al-Qalam: ayat 4):

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksud: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang mulia.

Ayat ini menunjukkan Rasulullah SAW merupakan manusia yang selalu mengamalkan akhlak yang mulia. Keperibadian Baginda selaku manusia yang sempurna (*insan kamil*) dan teladan yang agung (*par excellence*) bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat merupakan panduan yang universal (al-Attas, 2020: 119). Aisyah RA juga pernah disoal tentang gambaran akhlak Rasulullah SAW, beliau menjawab bahawa akhlak Baginda SAW adalah al-Quran, menunjukkan bahawa seluruh aspek perilakunya terkandung di dalam kitab suci ini (Al-Ghazali, 2010: 596). Al-Quran banyak menyentuh dasar dan prinsip asas akhlak samada dari aspek teori atau praktikal yang boleh diamalkan tanpa sempadan masa dan tempat (Draz, 2018: 3).

**SEJARAH, DEFINISI DAN PERANAN FALSAFAH ETIKA**

Allah SWT merupakan sumber kepada hidayah dan petunjuk yang memberikan kita sarana akhlak dan perilaku yang mulia, disampaikan kepada makhluk-Nya melalui wasilah para nabi dan wahyu. Akhlak tidak boleh dipisahkan dari agama disebabkan limitasi keupayaan manusia yang hanya mampu menentukan prinsip akhlaknya melalui janaan falsafah dan renungan akal, serta tidak mampu menjadi pengganti kepada nilai moral yang berteraskan agama. Tujuan akhlak dalam Islam mempunyai lebih daripada satu matlamat; sediakan insan untuk menjalani kehidupan yang bahagia didunia dan kehidupan yang baik di akhirat (al-Andalusi, 1998: 117).

Falsafah etika atau dikenali sebagai falsafah akhlak dalam Islam, juga dikenali sebagai jihad melawan hawa nafsu iaitu keupayaan dalam mentadbir diri dengan baik, dalam masa yang sama membersihkan jiwa (*tazkiyah nafs*) daripada sifat buruk (*mazmumah*) dan menanam sifat yang baik (*mahmudah*) ke dalam diri manusia. Hal ini dapat difahami apabila wujudnya hubungan ruh dan jasad yang mencerminkan kesatuan diri insan juga dikenali dalam ilmu kaji

jiwa (*ilm al-nafs*: psikologi) sebagai hubungan “yang mentadbir” (aqal) dan “yang ditadbir” (jasad) (Nasir Omar, 2019: 117; Zaidi, 2019: 35). Akal yang cerdas akan menjadi penentu kepada keputusan dan perilaku yang baik, yang akhirnya melahirkan sifat mahmudah (*fadhilah*) dan mencapai tujuan utama manusia iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-Attas, 2020: 42). Firman Allah yang merujuk kepada persoalan ini ialah:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَهَيَّ النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ. فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ

Maksud: Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalnya) serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu. Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya. (An-Nazi’at: ayat 40-41)

Kepentingan etika menyebabkan perbincangan ini dibincangkan di dalam pelbagai agama, bangsa dan budaya seperti Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya (Hastings, 1912: 436). Mereka masing-masing mempunyai cara tersendiri dalam menghayati dan memahami konsep etika (Abdul Rahman Aroff, 2008: 56). Pembentukan falsafah akhlak sebagai sebuah disiplin ilmu bermula pada zaman Greek iaitu abad ke-5 sebelum Masihi. Antara tokoh terdahulu yang berperanan penting ialah Plato (m.347SM), Aristotle (m.322SM), Galen (m.200M) dan lain-lain. Falsafah etika menumpukan perbincangan tentang konsep penting dalam sistem moral seperti konsep kebahagiaan, kesederhanaan keadilan, keberanian, kebaikan, keburukan, kebebasan, tanggungjawab aspek niat, motif dan sebagainya (Nasir Omar, 2019: 39)

Kemajuan sains pada zaman moden telah mendatangkan banyak kebaikan yang tidak terkira, namun bilangan ini disamakan dengan kadar masalah baru dan dilema moral yang timbul seperti dalam bidang peperangan, hubungan seksual, kehidupan peribadi dan lain-lain. Daya upaya kemajuan sekarang hanya mampu berurusan dengan aspek, cara dan penyelesaian yang bersifat material semata (al-Andalusi, 1998: 1). Kerancuan daya fikir dalam menentukan nilai etika yang dipegang oleh mereka, sehingga akhirnya tingkah laku mereka dipandu oleh nafsu yang bersifat kebinatangan (*haywani*) yang hanya inginkan keseronokan (*pleasure*) dan kebebasan (*freedom*) tanpa batas. Peminggiran nilai agama dalam kehidupan telah menatijahkan banyak kerosakan seperti pembaziran, kesengsaraan fizikal dan mental, masalah sosial dan politik, jenayah kolar putih, gejala LGBTQ, pornografi, pencemaran alam, dan sebagainya akibat terpengaruh faham yang merosakkan seperti sekularisme, pasca-modernisme (*postmodernism*), hedonisme dan sebagainya

Pada 2019, terdapat laporan yang dikeluarkan oleh Gallup, mendapati bahawa rakyat Amerika Syarikat telah bersetuju akan berlakunya penurunan nilai moral di kalangan mereka sendiri sebanyak dan keadaan ini semakin berterusan. Menurut laporan yang dikeluarkan juga oleh Gallup (2022), telah berlaku peningkatan sebanyak 71 peratus persetujuan oleh rakyat Amerika Syarikat ke atas perkahwinan sejenis pada tahun 2022. Pengaruh ini juga telah disebarkan dalam pelbagai bentuk media bagi mempengaruhi dan menyebarkan agenda mereka. Glaad Media Institute (2021) dalam laporannya menyatakan bahawa berlaku peningkatan dan penerimaan dalam media terhadap golongan LGBTQ terutamanya di dalam

saluran strim besar seperti Netflix, Amazon, Hulu, Apple TV+, Disney+, HBO Max, Paramount+ dan Peacock. Ketandusan dan kekeliruan terhadap konsep nilai dan akhlak merupakan cerminan kepada gejala yang disebutkan ini.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), telah berlaku perubahan landskap HIV di Malaysia, iaitu pada 2018, hubungan seksual antara lelaki (57%) merupakan penyumbang utama kepada penyakit ini. Malah, pada tahun 2020, sebanyak 90 peratus penghidap HIV adalah lelaki yang berpunca dari amalan seks tidak selamat terutama dalam golongan homoseksual. Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2018) telah mendedahkan bahawa berlakunya peningkatan anggota masyarakat gay dan transgender sehingga mencapai kepada jumlah yang amat membimbangkan iaitu sebanyak 310 000 individu.

## **NILAI, PERANAN, KESAN DAN PENGARUHNYA**

Selanjutnya, perbincangan teori nilai atau aksiologi juga perkara mustahak bagi memahami konsep, struktur dan tujuan sesebuah konsep etika. Ia merupakan cabang falsafah yang membahaskan berkenaan dengan sifat nilai dan dengan perkara yang mempunyai nilai. Jika dibincangkan secara meluas, teori nilai berhubung kait dengan semua bentuk nilai, seperti nilai estetika iaitu keindahan (*beauty*) dan keburukan (*ugly*), nilai-nilai etika seperti benar (*right*), salah (*wrong*), kewajipan (*obligation*), kebajikan (*virtue*), dan keburukan (*vice*), dan nilai epistemik seperti justifikasi dan kekurangan justifikasi (*lack of justification*) (Robert Audi, 1999:949) (Olson, 2015: 1). Keperluan nilai dapat dilihat apabila diperlukan dalam menentukan penilaian konsep “baik (*good*)” dan “buruk (*evil*)” pada sesuatu fakta atau pengetahuan yang juga mempengaruhi dunia dan falsafah sains (Azrina Sobian, 2014: 6). Maka amat penting bagi individu dalam memahami teori nilai ini kerana ia saling beriringan dalam menentukan dan membentuk perilaku moral seseorang (Ibrahim Shogar, 2015: 59).

Persoalan aksiologi juga tertumpu kepada di mana letaknya nilai itu sendiri, iaitu sama ada bersifat subjektif atau objektif. Manakala bagi aliran subjektif, nilai tersebut ditentukan oleh subjek, dan kerana itu sifatnya adalah nisbi (*relative*) atau berbeza dan berubah-ubah (Abdul Rahman, 2016: 13). Keterbatasan manusia dalam menilai sesuatu hanya terhad kepada daya fikir akal dan cerapan pancaindera semata. Kesan pengabaian wahyu dalam perbincangan ini dapat dilihat apabila nilai “baik-buruk” dijadikan fenomena subjektif yang dialami oleh diri individu dan tidak bersifat universal seperti mana yang berlaku di dalam masyarakat Barat sekarang (Karnia, 2013: 247). Manakala bagi aliran objektif, nilai itu dianggap berwujud sendiri secara mandiri, dan sifatnya adalah mutlak (*absolute*) baik di ruang dan waktu mana sekalipun. (Abdul Rahman, 2016: 13). Dalam Islam, nilai bersifat objektif dan mutlak kerana ia ditentukan oleh wahyu yang diturunkan kepada para Nabi dan Rasul.

Kepenggunaan dan kepentingan nilai dalam kehidupan dapat dilihat pada fungsi nilai tersebut (Abdul Rahman, 2008: 4-5):

1. Fungsi nilai ialah bertindak sebagai ukuran yang membantu individu mengenal pasti kedudukannya dalam sesuatu isu sosial atau moral.
2. Nilai berfungsi sebagai teras dalam menentukan apa yang harus dicabar, dihujah atau dipertahankan.

3. Nilai menyediakan satu standard yang asas dan tekal (*consistent*) supaya dapat membantu individu dalam pemikiran dan perlakuannya.
4. Nilai berperanan sebagai panduan untuk menyelesaikan konflik, merancang serta membuat keputusan.
5. Nilai juga menghadkan perlakuan seseorang dengan menjadikannya bertindak mengikut nilainya sendiri dan tidak akan melakukan sesuatu yang dirasakan bercanggah dengan nilai yang dihayatinya.

Walau bagaimanapun, telah berlaku satu bencana besar dalam pemikiran umat manusia khususnya di Barat, yang juga semakin merebak ke dunia Islam iaitu tersebarnya aliran sekularisasi. Wabak ini telah mula merebak ke dalam sistem nilai ini terutamanya di Barat sehingga berlakunya penghapusan makna-makna rohani dari nilai-nilai yang terdapat dalam fikiran dan kelakuan insan. Natiujahnya, muncul beberapa kelompok yang berbeza pandangan dalam membahaskan faham nilai dalam ilmu iaitu golongan bebas nilai (*value-free*), golongan sarat nilai (*value laden*) dan golongan sebahagian sarat nilai dan sebahagiannya bebas-nilai (Noor Hisham & Nurul Huda, 2018: 137-143). Justeru perbincangan selanjutnya, penulis akan menerangkan latarbelakang sekularisasi, perkaitan dan hubungannya dengan nilai, serta kesan yang berlaku kepada manusia akibat pengaruh sekularisasi terhadap nilai dalam kehidupan.

### **SEKULARISASI, DIMENSI SEKULARISASI, KESAN DAN PENGARUHNYA**

Menurut Syamsuddin Arif (2018: 62-63), telah berlaku kekeliruan dikalangan umat manusia apabila ukuran kejayaan dalam melalui arus modernisasi dan mencapai puncak kemajuan ialah apabila manusia semakin jauh dari agama. Terdapat tiga ciri yang dikatakan moden jika ada pada sebuah masyarakat iaitu yang pertama, sistem hierarki, dominasi dan penguasaan kelompok tertentu telah diganti dengan sistem birokrasi dan profesionalisme. Secara tidak langsung menghilangkan autoriti yang bersifat tunggal, sehingga membenihkan faham pluralisme dan relativisme. Antara ungkapan seorang ahli sosiologi agama, Steve Bruce (2002: 86) iaitu “...*the is no longer one single truth, one single way to god, buat a whole variety of equally good ways...*”. Kedua, bagi menjamin kehidupan tersusun dan terjamin, urusan agama haruslah bersifat privasi. Ketiga, sains dan teknologi yang bersifat rasional mula menggantikan mitologi, mistisisme dan sihir. Kesemua ciri ini merupakan kesan dari faham sekularisasi.

Justeru, bagi memahami lebih mendalam, maka penulis mengambil kesempatan ini bagi membincangkan tentang makna sekularisasi itu sendiri. Perbincangan sekularisme yang dibawa bukan sekadar menumpukan kepada aspek kehidupan duniawi (*worldly life*), namun juga, merupakan sebuah program falsafah aliran pemikiran menafsirkan realiti (*reality*) dan kebenaran (*truth*) berpandukan akal rasional semata (Khalif Muammar, 2015:10). Barat telah merumuskan pandangannya terhadap kebenaran (*truth*) dan realiti (*reality*) merujuk tradisi kebudayaan yang disokong oleh dasar-dasar falsafah, bukan lagi berdasarkan wahyu dan dasar keyakinan agama. Malah, dasar-dasar ini bermula daripada dugaan (spekulasi) yang berkaitan hanya dengan kehidupan sekular dan berpusat pada manusia sebagai diri jasmani dan haiwan rasional (al-Attas, 2020: 169).

Para ilmuwan di Barat, semenjak Zaman Pencerahan (*age of enlightenment*) yang percaya kepada pemisahan di antara nilai-nilai akhlak dari nilai-nilai agama berpunca daripada kekecewaan mereka terhadap silang-sengketa dan penganiayaan yang telah dibuat atas nama agama yang wujud selama berabad-abad dalam sejarah mereka. (Wan Mohd Nor, 2001: 65). Akhirnya, manusia telah dianggap satu-satunya kekuatan yang mampu membuka sendiri rahsia alam dan hubungannya dengan kewujudan, serta dikembangkan hasil pemikiran ini bagi membentuk panduan nilai, etika dan moral dalam kehidupan dengan membelakangi faham agama dalam kehidupan mereka.

Harvey Cox (1966:15-32) dan diperjelas oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2020:32) telah membahagikan sekularisasi kepada tiga dimensi. Pembahagian dimensi sekularisasi tersebut ialah penghilangan pesona daripada alam tabi'i (*disenchantment of nature*), peniadaan kesucian dan kewibawaan agama daripada politik (*desacralization of politics*) dan penghapusan kesucian dan kemutlakan nilai-nilai daripada kehidupan (*deconsecration of value*).

Justeru, kajian ini berfokus kepada dimensi penghapusan kesucian dan kemutlakan nilai-nilai (*deconsecration of value*), sehingga mengakibatkan penisbian nilai-nilai moral. Semua karya budaya dan setiap sistem nilai, termasuklah perbahasan agama dan pandangan alam yang memiliki ma'na akhir dan mutlak telah dijadikan sebagai bersifat sementara dan nisbi (*relative*). Dengan itu, sejarah dan masa depan terbuka untuk perubahan itu serta melibatkan dirinya ke dalam proses 'evolusi' tersebut. Sikap demikian terhadap faham nilai menuntut mereka sebagai manusia sekular agar menerima kenisbian pandangan dan keyakinannya sendiri; dia mesti hidup dengan kesedaran bahawa segala aturan dan tata laku moral yang menjadi panutan kehidupannya akan berubah mengikut perubahan zaman dan perubahan generasi.

Keadaan ini terjadi apabila telah merebak satu pandangan hidup, tata nilai dan gerak kerja baru di dalam masyarakat di seluruh dunia, yang sangat berbahaya yang tidak lagi mempedulikan kebenaran yang objektif, dan yang tidak dicalarkan oleh kepentingan yang tidak benar sama ada peribadi mahupun kelompok. Dari segi falsafah, para ulama ilmuwan Islam terutamanya dari kalangan Ahli Sunnah wa'l-Jamaah telah menentang keras konsep yang dinamakan *Sufasta'iyah* (*sophist*) ini kerana mengancam akidah umat Islam. Masalah ini telah lama difahami dan dibicarakan oleh para ilmuwan Islam. Perbincangan golongan ini bukanlah tertumpu kepada pencarian kebenaran.

Golongan *sofis* telah dibahagikan kepada 3 kelompok (Al-Attas, 1988: 48-49) (al-Taftazani, 2008: 27-28). Pertama, *Al-la Adriyyah* (*La adri*, "saya tidak tahu) atau agnostik, kerana selalu mengungkapkan tidak tahu atau sering sangsi terhadap keberadaan sesuatu sehingga menolak kemungkinan ilmu pengetahuan. Kedua, *Al-'indiyyah* (*indi*, "menurut saya") atau subjektif, kelompok ini menerima kemungkinan kebenaran dan ilmu pengetahuan, namun menolak kemutlakan ilmu pengetahuan dan kebenaran tersebut. Menurut mereka, ilmu pengetahuan dan kebenaran adalah subjektif dan ia bergantung kepada pendapat masing-masing. Menurut Protogras, ahli sofis yang pertama, manusia merupakan kayu ukur kepada setiap dan kebenaran (Jaques Martin, 1957:35-36). Ketiga, *Al-'Inadiyyah* atau keras kepala, kelompok ini menafikan segala hakikat sesuatu (*haqa'iq al-asyya'*) serta menyangkanya sebagai realiti dan khayalan semata. Kelompok ini sangat hampir terhadap

kelompok kedua. Kesannya, pemikiran ini telah memberi pengaruh yang besar dalam falsafah relativisme dan skeptisme.

Permasalahan yang pernah dialami oleh para nabi dan sarjana zaman silam, turut timbul dalam kajian falsafah dan agama masa kini dengan lebih meluas. Pensisteman aliran *Sufasta'iyah* ini telah memberi pengaruh kepada pensekularan nilai pada zaman moden sepertimana yang dibahaskan sebelum ini, di mana ia sangat berlawanan dengan konsep kemutlakan nilai dalam Islam itu sendiri. Bukti penerimaan masyarakat moden apabila keadaan ini yang juga dikenali sebagai *post-truth*, telah terpilih sebagai *World of the Year 2016* apabila pertama kali diistilahkan ke dalam bahasa Inggeris dan dimasukkan ke dalam kamus Inggeris Oxford. Proses pensekularan nilai ini telah memberi kesan yang besar ke atas masyarakat dunia. Akibatnya, pembaziran, kesengsaraan fizikal dan mental, masalah sosial dan politik akibat jenayah kolar putih, penagihan dadah, penyakit AIDS, pencemaran alam, dan sebagainya akan terus meningkat, jika usaha-usaha pencegahan berdasarkan ajaran agama yang betul yang dilaksanakan bersungguh-bersungguh dan meluas tidak dijalankan segera. (Wan Mohd Nor, 2001:35).

### **SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS**

Realiti yang berlaku pada zaman sekarang, terdapat banyak gerakan dan institusi keilmuan yang berusaha menyelesaikan permasalahan dasar ini. Namun, disebabkan kekeliruan dalam mencari punca permasalahan itu menyebabkan ketidakmampuan mereka untuk menyelesaikannya seperti golongan modernis dan pasca modernis yang rancak bergerak dalam mengubah setiap perkara yang dianggap berlawanan dengan tuntutan masa kini, yang dipandu oleh faham sekularisasi. Gerakan tradisional dan konservatif juga turut serta dalam mempertahankan segala institusi warisan, namun terlepas pandang dalam untuk mengambil kira keperluan perubahan yang sah sehingga mewujudkan kejumudan yang merugikan (Wan Mohd Nor, 2020: xv).

Menyedari akan hal ini, iaitu dari sudut kekeliruan terhadap pengamalan dan pemahaman konsep nilai yang makin berleluasa, penulis ini akan menganalisis pemikiran seorang sarjana Muslim kontemporari iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau dikenali sebagai pemikir besar dan genius kerana mampu mengangkat kembali pandangan hidup Islam yang disepakati ilmuwan silam terdahulu, serta turut mengembalikan keyakinan kepada struktur dan dasar akhlak dan perundangannya dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini (Wan Mohd Nor & Zainiy Uthman, 2010: 37) (Adian Husaini, 2012: 16, 120). Keupayaan beliau dalam merumuskan tiga aliran pemikiran Islam seperti ahli teologi (*mutakalim*), ahli falsafah (*hukama*) dan ahli tasawuf sehingga membentuk keserasian dan kesepaduan bagi membantu umat Islam menghadapi pelbagai cabaran masa kini. Ia dilakukan dengan penuh keupayaan ilmu, tegas dan berdaya cipta dengan memahami unsur-unsur kekal dan berubah dalam tradisi Islam dan dalam tradisi moden serta berani bertindak sebenarnya berdasarkan darjat masing-masing. Menurut Wan Mohd Nor, bentuk gagasan keilmuan al-Attas ini juga dikenali sebagai pergerakan teguh (*dynamic stabilism*) (Wan Mohd Nor & Zainiy Uthman, 2010: 50).

Menurut Wan Mohd Nor (2016:72), rujukan dan panduan yang telah disediakan oleh para Ilmuwan muslim terdahulu bagi menjawab isu dan masalah ini kerana ia memudah dan

menjimatkan masa dalam berhadapan isu ini yang berakarkan permasalahan asas yang sama dengan zaman sekarang. Antara ilmuwan Islam yang sejalan dengan al-Quran dalam membahaskan perihal ini ialah al-Baghdadi (m 1037/8 m), al-Nasafi (m. 1142 M) al-Taftazani (m.1387/8 M), dan Nur al-Din al-Raniri (m.1658 M), yang menganggap ilmu pengetahuan sebagai sesuatu yang mungkin dan menolak pendapat para sofis yang menganggapnya sebagai suatu kemustahilan. Al-Attas (1988:47) membicarakan bahawa Al-Nasafi dalam penulisannya, *'Aqa'id*, yang menyebutkan terbukanya kemungkinan untuk memiliki ilmu tertentu tentang pelbagai realiti (*haqa'iq al asyya' thabitah wa al-'ilm biha mutahqqiq*). Beliau telah memulakan perbahasan dengan membenarkan hakikat sesuatu, dan kewujudannya, serta pengetahuan tentang sesuatu itu mampu ditentukan dengan yakin (*certainty*).

Islam merupakan agama yang berteraskan ilmu. Jika berlaku penafian terhadap keupayaan untuk memperolehi ilmu dan hakikatnya, sepertimana yang diterangkan berkaitan dengan kekeliruan golongan sofis, maka akan merosakkan asas-asas kepada agama itu sendiri serta ilmu yang berkaitannya (al-Attas, 1988:47). Faham ilmu yang benar berlandaskan pandangan alam Islam merupakan keperluan utama bagi manusia, terutamanya dalam membuat sesuatu penilaian dalam kehidupan mereka. Sebagaimana contoh yang dikemukakan oleh al-Attas (2019:10), sebuah pisau tidak mempunyai nilai baik atau buruk, melainkan yang menentukan baik atau buruk kegunaan pisau itu ialah pemilikinya, iaitu seorang manusia berpandukan ilmu yang ada padanya. Pisau tersebut merupakan contoh kepada penggunaan ilmu sains dan teknologi pada zaman kini.

## KESIMPULAN

Dengan itu, penulis berpandangan bahawa perbahasan nilai dalam konsep akhlak berpandukan gagasan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas amat wajar diketengahkan ke dalam masyarakat sebagai panduan bagi menghadapi kesan dan cabaran pensekularan nilai dalam falsafah etika. Mencapai kesempurnaan akhlak dalam kehidupan dengan menerusi perbahasan hubungan di antara nilai, etika dan agama (*Din*), ditambah pula dengan pengenalan kepada hakikat fitrah asali manusia, akan meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran tentang dirinya terhadap perjanjian asali (*mithaq*) dengan Allah SWT. Hasilnya, akan membetulkan kekeliruan yang mendominasi pemikiran umat sehingga melahirkan generasi yang sedar akan tanggungjawabnya untuk berakhlak mulia, dalam masa sama menjadi hamba yang sempurna (*insan kamil*) dan khalifah Tuhan yang beradab, sekaligus membina peradaban dunia.

## RUJUKAN

- Al-Andalusi, Ibnu. Hazm. (1998). *In Pursuit of Virtue: The Moral Theology and Psychology of Ibn Hazm*. (M. A. Laylah, Terj) London: Ta Ha.
- Aroff, Abdul Rahman. (2008). *Pendidikan Moral: teori etika dan amalan moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra.



- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of The Aqid of Al Nasafi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2019) *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Attas, Syed. Muhammad Naquib (2020). *Islam dan Sekularisme*. (K. Muammar, Terj.) Kuala Lumpur: RZS-CASIS & HAKIM.
- Audi, R. (Ed.). (1996). *The Cambridge dictionary of philosophy*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Azrina Sobian (penyunting) (2014) *Sains dan Nilai*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Cox, Harvey. t.th. *The Secular City*, The MacMillan Company, New York
- Al-Ghazali, A. H. (2010). *Ihya Ulum al-Din*. (I. Yaakub, Ter.) Damsyik: Dar Faiha'.
- Hastings, J. (1912). *The Encyclopaedia of religions and ethics*. New York: Charles Scibner's Sons.
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sebanyak-90-peratus-penghidap-hiv-aids-adalah-lelaki-362600> (diakses 3 September 2022)
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim> (diakses 3 September 2022)
- <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/95805/kecelaruan-sosial-punca-kes-buang-bayi-meningkat?fbclid=IwAR0RDvih1RuZz51cgURcGXs73MafJLjRIorA0lu7bNMuftAPeC3Ox5Ah8U>
- <https://www.glaad.org/blog/glaads-2021-2022-where-we-are-tv-report-lgbtq-representation-reaches-new-record-highs>.
- [https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/2022/08/10/number-of-malaysian-youths-having-sex-doubles-finds-survey?fbclid=IwAR2Hk6croZLv2oZYcUGT\\_cBWygV\\_zZv1DrIN9wulZhxSOWni5pCnq8RhIhU](https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/2022/08/10/number-of-malaysian-youths-having-sex-doubles-finds-survey?fbclid=IwAR2Hk6croZLv2oZYcUGT_cBWygV_zZv1DrIN9wulZhxSOWni5pCnq8RhIhU) (diakses 3 September 2022)
- <https://www.utusanborneo.com.my/2019/12/01/hubungan-seks-tidak-selamat-punca-utama-jangkitan-hiv-masa-kini> (diakses pada 3 September 2022)
- Karnia, Dinar Dewi. (2013, November). Konsep nilai dalam peradaban Barat. *Jurnal TSAQAFAH*, 9(2).
- Khalif Muammar A. Harris (2015) *Islam dan Pluralisme Agama: memperkukuh tauhid pada zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: DBP.
- M. Nasir Omar. (2019). *Falsafah Akhlak*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Maritain, J. (1957) *An Introduction to Philosophy*. Kansas City: Sheed And Ward Inc.
- Mohd Zaidi Ismail (2019). *Aqal, Ilmu dan Pendidikan: Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Noor Hisham & Nurul Huda (2018), *Wacana falsafah ilmu: dinamika dan perspektif*. Kelantan: Penerbit UMK.
- Olson, I.H. (Ed.). (2015). *The oxford handbook of value theory*. New York: Oxford University Press.
- Shogar, Ibrahim (2015). *The basic structure of ethical norms*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Steve Bruce (2002). *God is Dead: Secularization in the west*. Oxford: Blackwell Publishers.

- Syamsuddin Arif (2018). *Islam dan diabolisme intelektual*, Jakarta: INSIST.
- Al-Taftazani, Saad al-Din Mas'ud (2008) *Syarah aqaid nasafi*, Tahqiq: Abdul Salam Abdul Hadi. Mesir: Maktabah Dar Daqaq.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2001). *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2019) *Budaya Ilmu: makna dan anifestasi dalam sejarah dan masa kini*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM